

INFO BULETIN UiTM Sarawak Kampus

ISU 60
Julai 2009


**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009** PG. 22

■ **UiTM Sarawak
Conference
2008** PG. 4

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

Konvensyen Akhir KIK Pelajar Peringkat UiTM 2008/2009

Oleh: Mohd Zafian Bin Mohd Zawawi



Gambarajah 1: INFORMS, daripada Kolej Seri Gading UiTM Sarawak memenangi Piala Pusingan Majlis Pengetua, Johan Konvensyen Akhir KIK Pelajar 2008/2009 Peringkat UiTM, Wang Tunai RM2000, Piala Irian & Sijil Penyertaan yang disampaikan oleh PM Dr. Rosmin Talib dan diiringi oleh En. Ibrahim Bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa KIK Pelajar 2008/2009.

Konvensyen Akhir KIK Pelajar Peringkat UiTM yang bertemakan "Kreatif, Inovatif Universiti Aktif" telah dijalankan bertempat di Dewan Seminar Melati Perak, Kolej Melati UiTM Malaysia. Ia merupakan konvensyen yang ke-2 selepas konvensyen Pertama juga dijalankan di Shah Alam pada 2007. Dipetik daripada ucapan Yang Berbahagia Datuk Seri Professor Dr. Ibrahim Abu Shah, Konvensyen Akhir KIK pelajar ini sejajar dengan matlamat universiti untuk bersama-sama dengan agensi lain melibatkan diri secara aktif di dalam era globalisasi yang tanpa batasan ini. Tambahan pula ianya diadakan untuk mencungkil bakat-bakat baru di kalangan para pelajar yang kelak akan menjadi kumpulan pelapis kecemerlangan dan kegemilangan universiti dan negara secara berterusan. Justeru itu usaha ini juga akan dapat merealisasikan matlamat kerajaan di dalam Rancangan Malaysia ke-9, iaitu ke arah mewujudkan "Pembangunan Modal Insan" yang cemerlang serta seimbang.

Seramai 11 kumpulan KIK Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diwakili oleh kampus Shah Alam dan Kampus-kampus Cawangan telah berjaya membuat persembahan yang berlangsung selama 2 hari bermula pada 17-18 Januari 2008.

Bil	Kolej/ Cawangan	Nama Kumpulan	Tajuk Projek
1	Kolej Anggerik, UiTM Malaysia	Great Teenagers Innovative (GTI)	Proses Daftar Masuk di Kolej Anggerik yang Lambat
2	Kolej Perindu & Kenanga, UiTM Malaysia	Perindu Kenanga Research Team (PKRT)	Pelajar Kolej Perindu/Kenanga Tidak Mengenal Pegawai
3	Kolej Meranti, UiTM Malaysia	Meranti Millenium	Pembangunan Pelajar (PPP) Mereka Baju di ampaian Kerap Jatuh Daripada Ampaian di kolej Meranti
4	Kolej Seroja, UiTM Malaysia	Seroja Viva Storm	Penggunaan yang Kurang oleh Pengguna terhadap Gimnasium di Kolej Seroja
5	Kolej Delima, UiTM Malaysia	Ideas	Masalah Baju Basah Akibat Hujan Tiruan Ampaian yang Tidak Mencukupi di Kolej Melati
6	Kolej Melati, UiTM Malaysia	6 Sense	Masalah kecurian di Kolej Mahsuri
7	Kolej Mahsuri, UiTM Kedah	Resolusi	Easy Registration Room System (EZ-R2 system)
8	UiTM Sabah	Refflesia	Lampu Koridor yang Jarang ditutup
9	Kolej Beringin, UiTM Perlis	Grand Beringin	Kekurangan Tingkat Berhabuk
10	UiTM Perak	Diamond	Penutup Tong Sampah yang Sering Tercabut, Rosak & Hilang.
11	Kolej Seri Gading, UiTM Sarawak	INFORMS	

Jadual 1: Kumpulan-kumpulan yang Menyertai Konvensyen KIK Pelajar 2008/2009

Konvensyen ini diadili oleh 3 orang panel hakim yang arif lagi bijaksana iaitu saudara En. Mohd Ehsan Amin, Penolong Pendaftar Kanan Unit Pengurusan Kualiti, UiTM Malaysia; Dr. Haji. Mustafa Hashim, Pengurus Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), dan En. Kamaruzzaman Kasim, Pengurus Unit Konvensyen Produktiviti Malaysia (MPC). Setiap kumpulan akan diadili mengikut kriteria berikut:

- Pengenalan Kumpulan
- Pemilihan Projek & Definisi
- Analisis Peluang Penambahbaikan
- Perlaksanaan Cadangan Kreatif & Inovatif
- Pemantauan dan Piawaian
- Pencapaian dan Pembelaan
- Persembahan.

Konvensyen Akhir KIK Pelajar Peringkat UiTM 2008/2009 ini juga telah menyediakan pelbagai anugerah dan pengiktirafan kepada kumpulan-kumpulan dan individu yang berjaya. Di antara anugerah dan pengiktirafan yang dimenangi oleh kumpulan KIK pelajar adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

Bil	Anugerah/ Pengiktirafan	Kumpulan/Kolej/ Cawangan
1.	Piala Pusingan Majlis Pengetua Johan Konvensyen Akhir KIK Pelajar 2008/2009 Peringkat UiTM, Wang Tunai RM2000, Piala Irian & Sijil Penyertaan	INFORMS, Kolej Seri Gading, UiTM Sarawak
2.	Naib Johan Konvensyen Akhir KIK Pelajar 2008/2009 Peringkat UiTM, Wang Tunai RM1500, Piala Irian & Sijil Penyertaan	INFORMS, Kolej Seri Gading, UiTM Sarawak
3.	Tempat Ke-3 Konvensyen Akhir KIK Pelajar 2008/2009 Peringkat UiTM, Wang Tunai RM1000, Piala Irian & Sijil Penyertaan	Great Teenagers Innovative (GTI)/ Kolej Anggerik, UiTM Malaysia
4.	Hadih Pembentang Terbaik	IDEAS, Kolej Delima, UiTM Malaysia
5.	Persembahan Kumpulan Terbaik	Saudari Atikah, Kumpulan Diamond, UiTM Perak
6.	Logo Terbaik	Kumpulan Diamond, UiTM Perak
7.	Fasilitator Terbaik Kumpulan KIK Pelajar 2008/2009	Great Teenagers Innovative (GTI)/ Kolej Anggerik, UiTM Malaysia
8.		Mohd Zafian Bin Mohd Zawawi, Kumpulan INFORMS/Kolej Seri Gading/ UiTM Sarawak

Jadual 2: Anugerah dan Pengiktirafan yang dimenangi oleh kumpulan KIK Pelajar pada Konvensyen Akhir KIK pelajar Peringkat UiTM 2008/2009



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK